

Headline	Tanam pokok tempatan di benua Antartika		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,540
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,621



Tanam pokok tempatan di benua Antartika

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menubuhkan Tabung Amanah Antartika bagi menggalakkan lebih banyak saintis dan penyelidik tempatan menjalankan kajian mereka di benua Antartika.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata tabung yang akan ditubuhkan bulan depan diharap dapat membantu menampung kos penyelidikan saintis dan penyelidik tempatan di benua itu.

“Dana itu akan kita gunakan untuk menampung segala kos penyelidikan di Antartika. Kita juga mahu menggalakkan lebih banyak saintis dan pegawai penyelidik FRIM menjalankan kajian, khususnya ke atas biji benih yang sukar hidup di bumi untuk cuba ditanam di kawasan sana.

“Kita akan hantar biji benih yang berpotensi besar bagi negara untuk ditanam di sana. Jangka hidup tumbuhan itu juga akan dikaji kerana kita nak lihat bagaimana kandungan mineral yang ada di sana boleh membantu menggalakkan pertumbuhan biji benih yang sukar hidup di bumi,” katanya.

Abd Latif berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri seminar bertajuk ‘Pengembaraan ke Benua An-

tartika’ yang disampaikan bekas Ketua Pengarah FRIM, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor di FRIM Kepong, dekat sini, semalam.

Katanya, antara tumbuhan dan biji benih yang akan dihantar untuk kajian ke Antartika ialah cengal, balak, tumbuhan untuk kegunaan perubatan, farmasi dan makanan.

Sementara itu, Salleh dalam seminarnya menyentuh mengenai pengalaman beliau mengembara ke benua Antartika, kajian yang dijalankan serta beberapa perkara menarik mengenai benua itu.

Salleh yang juga Presiden Persatuan Pencinta Alam turut mencadangkan supaya ‘Kelab Antartika’ ditubuhkan bagi menarik lebih banyak penyertaan generasi muda menjalankan kajian mereka di benua berkenaan.



Kita akan hantar biji benih yang berpotensi besar bagi negara untuk ditanam di sana. Jangka hidup tumbuhan itu juga akan dikaji



Abd Latif Mohmod
Ketua Pengarah FRIM